

Istikharahlah, kerana musuh perkara terbaik ialah perkara yang baik

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

1088

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. 42

PASRAH DENGAN ISTIKHARAH

Bagaimana seharusnya sikap kita apabila berdepan dengan dua perkara yang hukumnya sama-sama harus, sama-sama baik, dan sama-sama bermanfaat, tetapi kita hanya boleh memilih hanya satu?



Apa Legasi Kita? 96

Gambar Kita, Tanggungjawab Kita 52

Barah Rasuah 12

Kahwin Koboi 76

Solat Bersama Jin 92

AB
AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

ISSN 1985-5400 > 42

9 771985 540003

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD.

Asatizah yang Dinamik

Pada tahun 2010, aku dan Dr. Johdi Salleh; pensyarah Institut Pendidikan UIAM telah diundang oleh pihak Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) untuk mendekati *asatizah* (ustaz dan ustazah) mengenai isu integrasi dan islamisasi ilmu.

Beberapa buah bengkel telah diadakan di madrasah-madrasah di Singapura, ibu pejabat MUIS dan sebuah hotel di Jalan Bencoolen.

Beberapa tahun kebelakangan ini, aku dilibatkan dengan usaha integrasi dan islamisasi ilmu di Brunei, Indonesia, Pattani, Thailand dan juga Singapura. Gerakan integrasi dan islamisasi ilmu sudah lama dijalankan di Malaysia dan dipelopori di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Ini bertepatan dengan subjek Pengislaman Pendidikan yang aku ajar di peringkat doktor falsafah, dan ia merupakan subjek teras di Institut Pendidikan UIAM. Pengalaman dan ilmu mengenainya aku timba sejak berada dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada pertengahan tahun 70-an lagi. Ketika itu, aku terlibat di peringkat awal penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) dan membina kurikulum di TASKI al-Huda Melaka.

Akhirnya, dengan perancangan biro pendidikan ABIM, ia berkembang di



seluruh Malaysia dengan mengambil pendekatan bersepadu dalam kurikulum dan metodologi pengajarannya.

Integrasi Pengajian Islam dalam Pembelajaran

Dalam pengajian sarjana di luar negara, aku mengambil bidang Pendidikan Perbandingan yang memfokuskan terhadap pendidikan Islam dan juga pendidikan barat. Manakala di peringkat pengajian kedoktoran, aku memberi fokus terhadap pengajian dasar yang menyentuh tentang pendidikan dalam kalangan orang dewasa (*adult education*) yang menggunakan kaedah andragogi sebagai cara pembelajaran. Tajuk disertasi di peringkat kedoktoran ini memberi fokus pada *study circle movement* di dunia dengan tumpuan khas pada kegiatan usrah dan halakah yang dijalankan dalam ABIM.

Sebenarnya, usrah atau halakah yang aku ikuti hampir 35 tahun ialah tempat yang amat baik untuk menimba ilmu dan pengalaman mengenai Islam dan perjuangannya. Ia berbeza daripada pengajian tradisional kerana ia menggunakan pendekatan dua hala; interaktif dan menggalakkan perbincangan dan percambahan pemikiran. Diploma pengajian Islam yang aku ikuti di Universiti Kebangsaan Malaysia sekitar tahun 1983-1984 juga membantuku memahami Islam secara lebih sistematik.

Berbekalkan sedikit ilmu pengajian Islam dan pengalaman dalam ABIM, aku dapat menyumbangkan kerja-kerja dakwah khususnya yang berkaitan isu-isu ilmu dan pendidikan Islam dan pendidikan perbandingan. UIAM merupakan ruang yang terbentang luas untuk direalisasikan program integrasi dan islamisasi ilmu dan pendidikan di tahap pengajian tinggi kerana sejumlah pelajar dari hampir 100 buah negara mempelajari bidang-bidang perbandingan dan keislaman ini.

Sejak berada dalam ABIM lagi, fokus mengenai pendidikan sering menjadi agenda utama pergerakan. Seminar dan bengkel sering diadakan bagi meneguhkan maksud integrasi dan islamisasi ilmu sebagai suatu strategi tarbiah atau *ta'dib*. Buku-buku karya Prof. Naquib al-Attas banyak aku baca di samping buku-buku tulisan Pak Hamka, Hasan al-Banna, al-Maududi dan lain-lain. Ia banyak membantuku untuk memahami isu ilmu dan pendidikan serta dakwah dan gerakan Islam secara lebih dekat.

Sewaktu belajar di Amerika Syarikat, aku berkesempatan terlibat dengan International Institute of Islamic Thought (IIIT) dan International Islamic Federation on Students Organization (IIFSO), di samping mengenali secara dekat Almarhum Prof.

Ismail al-Faruqi dan pemikirannya. Begitu juga tokoh-tokoh pergerakan integrasi dan islamisasi ilmu seperti Dr. Taha Jabir al-Alwani, Dr. Abdul Hamid Abu Sulaiman, Dr. Fadhlul Rahman, Prof. Seyyed Hossein Nasr dan ramai lagi. Sejak itulah aku terlibat dengan gerakan integrasi dan islamisasi di seluruh dunia. Aku berkesempatan menjelajah ke seluruh Amerika dan Kanada, United Kingdom, Mesir dan Jordan untuk menyampaikan dakwah dan agenda integrasi dan pengislaman ilmu kepada pelajar bawah kendalian IIIT.

Pendekatan di Singapura

Penglibatanku dan sahabatku; Dr. Johdi Salleh dengan MUIS ialah strategi yang lebih tersusun terhadap cara integrasi serta islamisasi ilmu dan pendidikan boleh berlaku dalam sistem madrasah di Singapura. Bengkel-bengkel yang berlangsung memberi fokus pada isu epistemologi (teori ilmu) dan pembinaan tasawur atau pandangan semesta yang islami dalam proses pengilmuan dan pendidikan.

Integrasi ilmu dan pendidikan bagi masyarakat Islam di Singapura amat penting rentetan daripada cabaran dunia pendidikan, pekerjaan dan profesional di Singapura jauh lebih sengit dan mencabar bagi masyarakat Islam. Pengajian di madrasah dan pendidikan tidak formal di masjid mempunyai orientasi pendidikan yang bukan sahaja memberi tumpuan terhadap ilmu agama yang bersifat ritual atau rohaniah, tetapi ilmu perbandingan perlu dipelajari di samping keperluan menguasai pelbagai bahasa khususnya bahasa Inggeris.

Orientasi kurikulum dan penguasaan bahasa dalam sistem madrasah di Singapura amat berbeza dengan sistem madrasah di tempat lain. Di samping penekanan tentang kepentingan bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris diajar dengan seimbang. Ia amat penting bagi masyarakat Singapura yang kosmopolitan kerana masyarakat Islam tidak harus terasing daripada arus perubahan yang sedang bergerak pantas, di samping mempertahankan jati diri islami.

Lazimnya, sistem di madrasah dalam dunia Islam lebih banyak tertumpu pada perkembangan ilmu mengurus diri dalam persoalan ibadat, munakahat, tilawah, bahasa Arab, tafsir dan juga akhlak. Tidak banyak yang memberikan fokus dalam



PROF. DATO' DR. SIDEK BABA

Lulusan Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Melayu) Universiti Malaya dan Sarjana Pendidikan Berbanding di Universiti Indiana, Bloomington, USA dan Ijazah Doktor Pendidikan di Universiti Northern Illinois, USA. Pernah menjadi pendidik, pegawai dan pensyarah, dan kini sebagai Profesor Pendidikan di Institut Pendidikan, UIAM. Dianugerah Tokoh Maulidur Rasul 2009.

ilmu mengurus sistem seperti teknologi maklumat, matematik, sains, komputer dan sebagainya.

Madrasah al-Juneid al-Islamiah di Singapura umpamanya menawarkan pelbagai subjek yang bukan sahaja untuk memasuki Universiti al-Azhar (pengajian agama) tetapi juga Universiti Nasional Singapura dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bilangan pelajar Islam di Universiti Nasional Singapura sekitar 6% hingga 7%. Bayangkan, lulusan madrasah yang tidak mempunyai merit dalam subjek ilmu mengurus sistem, amat payah untuk mereka diterima di universiti-universiti selain Universiti al-Azhar, Madinah, Jordan dan sebagainya.

Bengkel integrasi dan islamisasi ilmu ini amat penting kepada *asatizah* yang

Lazimnya, sistem di madrasah dalam dunia Islam lebih banyak tertumpu pada perkembangan ilmu mengurus diri dalam persoalan ibadat, munakahat, tilawah, bahasa Arab, tafsir dan juga akhlak. Tidak banyak yang memberikan fokus dalam ilmu mengurus sistem seperti teknologi maklumat, matematik, sains, komputer dan sebagainya.

mempunyai pelbagai latar pendidikan. Keperluan integrasi ilmu adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan kerana dualisme dalam ilmu dan pendidikan sangat nyata kedudukannya di Singapura. Falsafah dan konsep ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem dijadikan topik utama supaya pemahaman terhadap konsep itu memberi jalan agar terbinanya integrasi.

Iktibar daripada Tamadun Islam

Pentingnya integrasi ilmu dan pendidikan dapat dilihat apabila setelah sekian lama umat Islam menghadapi masalah dikotomi atau terasingnya ilmu naqliah (wahyu) dan ilmu akliah iaitu hasil daripada

pemikiran manusia. Kekuatan tamadun Islam pada masa lalu terbentuk apabila berlakunya sinergi antara kepimpinan umara dan kekuatan ilmu yang dimiliki oleh ulama dan ilmuwan.

Ia berlaku pada zaman al-Ma'mun, al-Mansur, Harun al-Rashid, Umar Abdul Aziz dan sebagainya apabila kepimpinan mereka **dimanfaatkan oleh ilmu-ilmu** yang sifatnya memandu.

Kedua, perkembangan **corak ilmu yang integratif**. Ilmuwan Islam seperti Ibn Sina, al-Khawarizmi, Abu al-Qasim al-Zahrawi, Ibn al-Haitham, al-Biruni merupakan ilmuwan yang menghafal al-Quran sejak muda dan pada masa yang sama menguasai bidang perubatan, matematik, ilmu bedah, astronomi dan lain-lain. Jelasnya, ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem berada dalam suatu sinergi yang mendasari tamadun sejak dahulu.

Manakala yang ketiga, ilmuwan Islam menghasilkan **tradisi kecendekiawanan** dengan kajian, penelitian dan penghasilan karya-karya asli yang memperlihatkan kehebatan berkarya tidak sahaja dalam bidang ilmu mengurus diri, tetapi juga dalam karya ilmu mengurus sistem.

Ibn Sina umpamanya menghasilkan ratusan kitab tersohor dalam pelbagai bidang khususnya bidang perubatan. Kitab *al-Qanun* diterbitkan dalam beberapa jilid dan diterjemahkan ke bahasa-bahasa Eropah untuk kegunaan universiti-universiti di Eropah berabad-abad lamanya.

Ibn al-Suyuti menghasilkan banyak kitab mengenai syariat dan fiqh dan dijadikan rujukan oleh umat terkemudian. Abu al-Qasim al-Zahrawi

menghasilkan banyak kitab dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya ilmu pembedahan. Buku-buku ini juga diterjemahkan dalam bahasa Eropah seperti Latin dan Ibrani, serta instrumen pembedahan digunakan di Eropah dalam jangka masa yang lama sejak dahulu.

Ilmuwan Islam amat terbuka mempelajari ilmu daripada tamadun lain untuk mengambil manfaat daripadanya. Al-Biruni umpamanya menjelajah ke India bertujuan mendapatkan ilmu pengetahuan dan mempelajari bahasa Tamil untuk memanfaatkan ilmu perbandingan dalam bidang astronomi, matematik dan perubatan. Malangnya, hari ini ilmu yang dikembangkan dalam institusi pendidikan Islam sifatnya terbatas. Keterbatasan itu menyebabkan ilmu barat yang mekanistik sifatnya lebih dominan dikuasai oleh umat Islam.

Langkah Interaktif

Mendidik aqidah dan tauhid bukan sekadar membina suatu sistem kepercayaan antara insan dan al-Khaliq, tetapi manifestasi daripada sifat tauhid terpancar dalam setiap disiplin ilmu. Mendidik ilmu sains dan matematik kepada para pelajar bukan sekadar mengajar mereka tentang "apa" mengenai sesuatu dan fenomena, tetapi mendidik mereka mengenai "mengapa" yang membawa mereka untuk dekat dengan Allah s.w.t.

Konsep ilmu hisab yang diguna pakai suatu ketika dahulu berdiri atas maksud *hasaba* yang memberi makna keseimbangan, amanah, akauntabiliti atau tanggungjawab. Inilah asas kehidupan mapan dan seimbang supaya watak manusia itu lebih manusiawi sifatnya.

Bengkel integrasi ilmu dan pendidikan dalam kalangan *asatizah* di Singapura memberikan garis panduan tentang pentingnya penguasaan pelbagai bahasa dalam kalangan *asatizah* di setiap madrasah. Kurikulum yang diajar harus disepadukan dengan nilai dan etika. Nilai dan etika islami yang membentuk tasawur islami harus menjadi asas utama integrasi.

Kefahaman yang diberi dan metodologi yang diutarakan bermula daripada soal epistemologi, binaan kurikulum, dan metodologi pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga kaedah pengukuhan terhadap pencapaian pelajar-pelajar agar *asatizah* lebih relevan dan dinamik dalam realiti Singapura. Ia penting supaya kualiti pengilmuan dan pendidikan meningkat dan lulus madrasah di Singapura terdiri daripada pelajar yang berkualiti dan holistik sifatnya. **S**

pertama

S. ASDARUL BIN DAHLAN
Kg. Pasir, Tampoi, Johor Bahru

kedua

SITI AFIFAH BT. MAT AIL
Tanah Merah, Kelantan

ketiga

RAUNAH BINTI IBRAHIM
Bertam Jaya, Melaka

saguhati

AHMAD NAZRI BIN YAHAYA
Georgetown, Pulau Pinang

NOR HIDAYAH BINTI JAAFAR
Marang, Terengganu

ASMAHAN BT. ABD. HALIM
Segamat, Johor

HARIS FAZILAH KARMAJAMAN
Sungai, Perak

SAIDAH NAFISAH BIN TI HASBAN
Besut, Terengganu

TAHNIHAH!

JAWAPAN
SILANG
KATA
SIRI 36



SYARAT DAN PERATURAN

- 1 Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Solusi*, kecuali kakitangan Telaga Biru Sdn. Bhd. dan ahli keluarga terdekat.
- 2 Peraduan ini berlangsung selama dua (2) bulan, dari 1 April 2012 hingga 31 Mei 2012.
- 3 Tarikh tutup penyertaan: 31 Mei 2012.
Penyertaan selepas tarikh tersebut tidak diterima.
- 4 Penyertaan mestilah menggunakan borang asal dan pastikan diisi lengkap. Salinan fotokopi tidak diterima.
- 5 Pemenang dikira jika menjawab **semua petak dengan betul**. Sekiranya tiada pemenang, jawapan yang hampir akan diterima sebagai pemenang.
- 6 Sekiranya terdapat **lebih daripada seorang pemenang**, cabutan akan dibuat oleh para hakim. Keputusan hakim adalah muktamad.

- Isikan **semua petak** dengan HURUF BESAR dengan jelas.
- Jika terdapat kesilapan dan anda ingin mengubahnya, boleh digunakan pepadam, *liquid paper* atau sebagainya.
- Poskan penyertaan anda ke:
Peraduan Silang Kata Siri 39
Telaga Biru Sdn. Bhd.
28 Jalan Tembaga SD 5/2A
Sri Damansara Industrial Park
52200 Kuala Lumpur
- Pemenang akan dihubungi melalui alamat pos atau melalui telefon dan/atau e-mel (jika ada disertakan alamat e-mel dan/atau no. telefon).

